

<input type="checkbox"/> Berita Harian	<input checked="" type="checkbox"/> Varsity
<input type="checkbox"/> Berita Minggu	
Tarikh: 31/3/2011	
Hari: Khamis M/S: 15	
Ruangan: Sukan.	

Oleh Hazwan Faisal
Mohamad

hvarsi@bharu.com.my

UNIVERSITI Kebangsaan Malaysia (UKM) meneruskan rentak cemerlang apabila muncul juara Kejohanan Kriket Twenty20 UKM Piala Menteri Pengajian Tinggi buat kali ketiga berturut-turut, baru-baru ini.

Selain UKM, kejohanan yang memasuki edisi keempat itu turut disertai enam pasukan iaitu: Universiti Teknologi MARA (UITM), Universiti Utara Malaysia, Universiti Multimedia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan University College of

Technology and Innovation (UCTI).

Pada perlawanan akhir yang berlangsung di Bayuemas Oval, Kaling, Selangor, pasukan UKM mengalahkan UITM dengan 10 wicket, sekali gus muncul juara, manakala tempat ketiga dimenangi pasukan UCTI.

UKM turut cemerlang apabila pemainnya, Mohd Shafiq Mohd Sharif dinobatkan sebagai pemain terbaik keseluruhan selepas berjaya melakukan larian terbanyak iaitu 245 sepanjang kejohanan.

Juara membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000, piala, pingat dan sijil, naib



juara menerima RM1,500 dan tempat ketiga (RM750). Hadiah disampaikan Ketua Setiausaha Kementerian

Pengajian Tinggi, Datuk Ab Rahim Md Noor. Hadir sama Naib Canselor UKM, Prof Tan Sri Dr Shanifah

Hapsah Syed Hassan Shahabudin dan Pengerusi Lembaga Pengarah UKM, Tan Sri Mazlan Ahmad.

Pasukan kriket UKM catat hatrik

Sementara itu, Mohd Shafiq berkata, taraf kejohanan kali ini semakin mencabar apabila semua pasukan yang menyertai memberi saingan sengit.

"Ini petanda baik untuk sukan kriket kerana membuktikan ia sudah semakin diterima ramai dalam kalangan universiti. Sebelum ini tidak banyak pertandingan membabitkan pasukan kriket selain daripada anjuran Majlis Sukan Universiti Malaysia saja," kata pelajar tahun dua Ijazah Pendidikan Sukan dan Rekreasi itu.

Kejohanan dengan kerjasama Persatuan Kriket Melayu Malaysia itu dinamakan Twenty20 kerana menggunakan format 20 'over' bagi merancang persediaan perlawanan.